



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II (B.2 EB.3)
JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II
JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:


1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Undang-Undang (*LLB*) atau bidang bersesuaian.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dikehendaki lulus peperiksaan berikut:
 - i) Peperiksaan Jabatan (jika ada);
 - ii) Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
 - iii) Peraturan-Peraturan Kewangan.

Peperiksaan ii dan iii akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

3. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menasihati Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan orang awam mengenai undang-undang berkaitan dengan Penerbangan Awam;
2. Menjalankan kajian ke atas undang-undang Negara Brunei Darussalam yang berkaitan dengan tanggungjawab-tanggungjawab Negara Brunei Darussalam di bawah triti-triti dan perjanjian-perjanjian antarabangsa dan serantau; dan yang berkaitan dengan tanggungjawab-tanggungjawab Negara Brunei Darussalam di dalam Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa;
3. Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mesyuarat-mesyuarat berhubung dengan Penerbangan Awam termasuk mesyuarat pada peringkat antarabangsa dan serantau;



4. Membuat penyelidikan undang-undang dan menyediakan kertas kerja dan laporan yang diperlukan termasuk memberikan sebarang cadangan pindaan undang-undang;
5. Memberi cadangan-cadangan bagi penggubalan undang-undang dan peraturan-peraturan demi menggalakkan perkembangan sektor pengangkutan dan / atau perhubungan untuk menjadi lebih kompetitif; dan
6. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.